

CNS9581

U GB 31-05 00154 BA056

aab

M'SIA TIDAK BEKAL SENJATA KEPADA RAKYAT BOSNIA, KATA DR MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan Cable News Network (CNN) bahawa Malaysia bercadang untuk membekalkan senjata kepada rakyat Bosnia dalam perjuangan mereka menentang pencerobohan Serb di Bosnia-Herzegovina.

"Jika ada pihak yang membekalkan senjata ke Bosnia, kita tidak tahu-menahu mengenai perkara ini," kata beliau kepada pemberita di sini ketika diminta mengulas laporan CNN yang disiarkan hari ini. Laporan itu mendakwa yang Malaysia, Iran dan Turki akan membekalkan senjata kepada rakyat Bosnia.

Dr Mahathir berkata Malaysia hanya membekalkan senjata kepada 1,500 orang anggota tenteranya sendiri yang bertugas dengan Pasukan Perlindungan Bangsa-bangsa Bersatu (Unprofor) di Bosnia-Herzegovina.

Beliau berkata CNN mungkin tersalah anggap dan menyifatkan perbuatan itu sebagai membekalkan senjata kepada rakyat Bosnia.

"Kita bukan berniaga senjata," kata beliau. -- Bernama

ES NMO

CNS9968

U GB 31-05 00129 BA099

aab

Mahathir - Senjata 2 (Akhir) Kuala Lumpur (Sambungan berita B389)

Sementara itu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak menafikan penglibatan kementerian "secara langsung atau sebaliknya dengan pengiriman peralatan senjata ke Bosnia."

Kementerian juga tidak menyedari mengenai sebarang penghantaran senjata dari Malaysia ke negara itu, katanya dalam satu kenyataan petang ini.

Beliau menegaskan bahawa penglibatan Malaysia hanya terhad kepada soal pengamanan selaras dengan mandat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Bagaimanapun, beliau menggesa PBB menarik balik sekatan senjata terhadap Bosnia-Herzegovina memandangkan tragedi kemanusiaan di negara itu menjadi semakin buruk akibat campur tangan pihak tertentu yang diketahui dunia masih membekal senjata kepada puak tertentu.

Ini sekali gus memperolok-olokkan sekatan senjata yang dikenakan oleh PBB, katanya. -- Bernama

.JO NMO